

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS JAMUAN ULANGTAHUN KE-25 MIDA

TEMPAT: KUALA LUMPUR HILTON (K.L)

TARIKH: 22 AUG 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada MIDA kerana sudi menjemput saya dan isteri saya ke Jamuan Ulangtahun ke-25 MIDA pada malam ini. Biasanya ulangtahun ke-25 dianggap sebagai pengukur yang penting dalam kewujudan sesebuah institusi. Sudah tentu, ulangtahun ke-25 ini adalah penting bagi MIDA dan negara. Ini kerana tahun-tahun yang sudah berlalu itu pasti telah menyumbang kepada kematangan dan keberkesanan MIDA.

2. Oleh itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada MIDA kerana perayaan Jubli Peraknya. Sememangnya MIDA telah berkembang dengan mantap. Secara fizikalnya, MIDA yang pada mulanya beroperasi dari satu tingkat di Bangunan Koperasi Polis, kini beroperasi dari beberapa tingkat di Wisma Damansara. Pada satu hari nanti MIDA pasti akan beroperasi dari bangunannya sendiri. Saya gembira melihat ramainya ahli sektor swasta yang hadir pada majlis malam ini. Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kepada sektor pembuatan, sudah tentu perhubungan kerja yang rapat akan lahir di antara MIDA dengan sektor swasta. Tetapi jelas yang perhubungan tersebut kini berkembang hingga kepada perhubungan sosial.

3. Hubungan saya dengan MIDA bermula pada 1970an semasa saya menjadi Pengerusi FIMA. Apabila kemudiannya saya dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian perkenalan itu menjadi satu perhubungan yang lebih kukuh. Banyak sekali lawatan galakan pelaburan ke luar negeri yang telah saya laksanakan di bawah strategi MIDA yang semakin sofistikated. Usaha galakan seumpama itu adalah perkara yang agak luar biasa pada masa itu. Tidak banyak negara membangun mempunyai keupayaan itu. Tetapi usaha-usaha galakan itu ternyata telah berhasil kerana kita dapat melihat adanya peningkatan yang pesat dalam pelaburan asing di Malaysia. Pada hari ini, operasi dan strategi MIDA telah diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa dan beberapa negara luar, dan MIDA juga sering diminta meminjamkan pakar-pakarnya untuk membantu menubuhkan agensi-agensi yang serupa di negara-negara lain.

4. Dengan MIDA mencapai usia 25 tahun, ia harus merasa

bangga dengan beberapa pencapaiannya yang cemerlang dan perkhidmatannya yang pelbagai dan bermutu yang diberikannya selama itu. Paras pelaburan dalam sektor pembuatan kini adalah bukti prestasi MIDA dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penggalak dan penyelaras pelaburan-pelaburan perindustrian di Malaysia. Kita tahu pembangunan perindustrian di negara kita adalah hasil daripada dasar-dasar yang pragmatik yang disokong oleh perkhidmatan-perkhidmatan yang baik dari MIDA. Sebagai sebuah organisasi, MIDA sudah lama berjaya daripada segi kecanggihannya, semangat berpasukan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang bermutu. MIDA juga memberikan maklumbalas kepada Kerajaan yang membolehkan dasar-dasar dan insentif baru dirangkakan dalam usaha negara untuk sentiasa mendahului negara-negara lain dalam persaingan untuk mendapatkan modal dan teknologi asing.

5. Kejayaan mana-mana usaha atau organisasi akan banyak bergantung kepada gabungan pelbagai faktor seperti persekitaran operasinya, prinsip-prinsip pengurusan yang mantap, kakitangan yang berdedikasi yang faham dengan objektif-objektif pertubuhan, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkannya dan keinginan untuk berjaya. Kejayaan MIDA adalah disebabkan oleh gabungan sihat faktor-faktor yang tersebut ini. Bagaimanapun, untuk memikul tanggungjawab yang bertambah berikutan adanya cita-cita negara untuk mencapai taraf maju, MIDA mesti sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam pasaran dan mengubahsuai pendekatannya mengikut perkembangan itu. Untuk tujuan ini, profesionalisme kakitangan MIDA hendaklah sentiasa dinilai dan ditingkatkan. Adalah tidak mencukupi lagi bagi MIDA untuk mengharapkan pilihan yang baik apabila mengambil kakitangan yang baru. Adalah perlu sekali bagi MIDA mengadakan latihan-latihan yang relevan untuk mendapatkan kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan bagi kakitangannya.

6. Dengan adanya usaha pesat ke arah perindustrian dan objektif negara untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 dengan dibantu sebahagian besarnya oleh pelaburan-pelaburan swasta dalam pelbagai sektor ekonomi, terdapat keperluan untuk mengenalpasti strategi-strategi pelaburan yang kritikal yang boleh membawa negara ke arah itu. MIDA tidak seharusnya berpuas hati dengan kejayaannya sehingga kini tetapi mestilah terus berusaha memimpin sektor pembuatan ke arah mencapai wawasan jangka panjang bagi pertumbuhan negara. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kita hari ini adalah lebih kompleks. Dengan semakin banyak negara menukarkan sistem ekonomi mereka daripada sistem terancang pusat atau centrally planned economy, kepada pasaran bebas dan perusahaan persendirian atau entrepreneurship, semakin banyak pesaing-pesaing baru telah muncul. Seseengah pesaing ini boleh menawarkan buruh yang mahir dan murah serta rajin dan berdisiplin. Kelebihan persaingan yang dimiliki oleh Malaysia sudah tidak ada lagi kepada kita. Malah kita sekarang menghadapi kekurangan pekerja dan dalam keadaan seperti ini upah pekerja sudah

tentu akan meningkat. Kecuali kita merangka strategi-strategi baru, Malaysia tidak akan lagi begitu menarik kepada pelabur-pelabur.

7. Sudah tentu kita harus mencari industri-industri yang kurang keperluan buruh. Tetapi pengalaman lalu menunjukkan kos buruh yang rendah sahaja adalah tidak kritikal sama sekali. Kos buruh kita memang sentiasa lebih tinggi berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Apa yang penting kepada pelabur-pelabur sama ada tempatan atau asing ialah kecekapan pentadbiran dan suasana politik yang sesuai untuk kejayaan sistem ekonomi bebas.

8. Ahli-ahli politik bertanggungjawab terhadap suasana politik. Tetapi ahli-ahli pentadbiran di semua peringkat mesti sentiasa terus memperbaiki perkhidmatan dan kecekapan mereka. "Red tape" mestilah dikurangkan. Syarat-syarat pelaburan mestilah tidak banyak dan mesti dinyatakan dengan jelas. Setelah ini dilakukan, penggunaan budi bicara oleh ahli-ahli pentadbiran hendaklah dikurangkan jika tidak boleh diketepikan sama sekali. Jika projek-projek yang dicadangkan telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan, kelulusan hendaklah diberikan secara automatik dan dengan segera.

9. Untuk mengurangkan bebanan kerja dan laporan-laporan yang memakan masa panjang dan meleret-leret, borang-borang yang mudah diisi hendaklah digunakan. Angka-angka hendaklah digunakan dan diillustrasikan dengan geraf-geraf. Lukisan-lukisan dan model-model hendaklah digunakan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai projek-projek yang berkenaan. Persembahan-persembahan projek hendaklah mengikut format yang tetap. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab daripada agensi-agensi lain harus menghadiri persembahan-persembahan itu. Jika keputusan-keputusan tidak dapat dibuat dengan segera, maka satu tempoh yang tetap, mungkin seminggu sahaja, hendaklah diberikan.

10. Apa-apa sahaja yang boleh menyumbang kepada kecekapan termasuk penggunaan komputer secara meluas hendaklah dilakukan. Perisian komputer yang boleh menyediakan data-data yang diperlukan mestilah direkabentuk.

11. Adalah penting diingatkan bahawa tidak ada sebarang keputusan yang tidak cacat. Semua keputusan adalah pilihan daripada beberapa "alternatives" yang "imperfect". Kecuali keputusan itu jelas tidak sesuai, jawatankuasa-jawatankuasa pegawai tidak harus merasakan mereka tidak bijak. Yang penting sekali ialah mempelajari daripada keputusan-keputusan yang lalu. Akan sampai waktunya kesilapan-kesilapan akan dapat dikurangkan walaupun ianya tidak dapat dihapuskan sama sekali. Tetapi tidak membuat keputusan atau keputusan yang lewat adalah lebih teruk daripada keputusan yang buruk.

12. Silver is not grey. Ulangtahun ke-25 ini menggambarkan kematangan dan bukannya separuh umur dan beruban. Pada usia

25 tahun, pengalaman banyak diperolehi tetapi adalah jauh daripada mencukupi. Sebenarnya tidak seseorang pun dapat memperolehi semua pengalaman yang perlu dilalui. Proses pembelajaran mestilah berterusan. Pada usia 25 tahun, kekuatan masih ada dan keupayaan mempelajari dengan pantas masih wujud.

13. Oleh itu MIDA harus merayakan Jubli Peraknya dengan perasaan puas hati atas pencapaian-pencapaiannya tetapi harus bersedia untuk belajar dan meningkatkan kejayaannya. Saya yakin MIDA akan berjaya pada masa depan, jika tidak lebih, sekurang-kurangnya sama seperti pada masa lalu.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengucapkan selamat menyambut perayaan Ulangtahun ke-25 kepada MIDA dan mengucapkan agar MIDA akan lebih maju apabila kakitangan MIDA menyambut Jubli Emas akan datang dengan Perdana Menteri yang lain pula.